

Subsidi kepada penternak ayam akan ditambah

Oleh Mohamed Farid Noh - April 28, 2022 @ 3:45pm
farid_noh@bh.com.my



Kerajaan akan tambah subsidi ayam kepada penternak bagi memastikan harga kekal RM8.90 sekilogram hingga 5 Jun ini. - Foto fail

JOHOR BAHRU: Kerajaan setuju tambah **subsidi ayam** kepada penternak bagi memastikan harga runcit bahan mentah itu kekal pada RM8.90 sekilogram (kg).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata perkara itu diputuskan dalam Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) baru-baru ini.

"Mesyuarat terakhir **NACCOL** memutuskan harga ayam segar perlu dikekalkan pada RM8.90 sekilogram hingga 5 Jun ini. Oleh kerana ada kenaikan kos, kerajaan setuju menambah subsidi bagi menampung kos supaya harga runcit kekal.

"Penambahan berapa subsidi itu akan diumumkan kemudian, namun dari segi prinsipnya, harga siling perlu diteruskan hingga 5 Jun ini sebelum perkara lain diputuskan nanti," katanya ketika lawatan ke Stesen Minyak Petronas di Jalan Lingkaran Dalam, hari ini.

Februari lalu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dilaporkan berkata, pemberian subsidi sebanyak RM0.60 sen per kilogram (kg) kepada penternak ayam adalah selepas mengambil kira harga ayam hidup di peringkat ladang sebanyak RM5.90 per kg dan harga runcit ayam bulat standard sebanyak RM8.90 per kg.

Bagi subsidi telur, jemaah menteri bersetuju memberi RM0.05 sen sebiji untuk semua kategori.

Keseluruhan implikasi kewangan kepada kerajaan bagi melaksanakan pemberian subsidi ayam dan telur di seluruh negara untuk tempoh empat bulan bermula Februari adalah sebanyak RM528.52 juta.